KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08.03.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	TNB			

lokal

Polis, TNB potong karan 5 premis judi

Subang Jaya: Lima premis perjudian sekitar daerah ini dikenakan tindakan pemotongan bekalan elektrik oleh pihak polis dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), semalam.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisioner Abd Khalid Othman berkata, ia sebagai satu usaha menghalang premis berkenaan daripada beroperasi semula.

Katanya, pihaknya mendapat kelulusan daripada TNB untuk melaksanakan pemotongan di premis berkenaan susulan kejayaan dalam operasi setakat ini.

Menurutnya, pemotongan bekalan elektrik itu dibuat di lima lokasi sekitar kawasan itu termasuklah Puchong, Bandar Sunway dan Putra Heights.



ABD Khalid (dua dari kanan) ketika hadir dalam operasi pemotongan bekalan elektrik di sebuah premis perjudian dalam talian.

Ops Dadu Khas dijalankan untuk memotong bekalan elektrik di premis judi dalam talian"

Abd Khalid

"Ops Dadu Khas dijalankan untuk memotong bekalan elektrik di premis judi dalam talian.

"Sepanjang tahun ini, kita sudah melakukan serbuan di 11 lokasi. Kita mendapatkan kelulusan daripada TNB untuk menjalankan pemotongan di 10 premis," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Abd Khalid berkata, tindakan diambil di bawah Seksyen 21 A (1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Katanya, pihaknya berharap dengan tindakan drastik itu, premis berkenaan tidak digunakan semula sebagai pusat judi.